



## AMAR bantu SPRM sebar mesej antirasuah dalam kalangan siswa

Ogos 7, 2022 @ 5:38pm



Razim (tiga dari kiri), Norazlan (lima dari kiri) dan Alias (tujuh dari kiri) bersama peserta yang memenangi pelbagai hadiah pada Konvensyen AMAR kali ke-8 Tahun 2022 di Banting, Selangor.- FOTO SPRM

BANTING: Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah (AMAR) mempunyai tanggungjawab sebagai rakan strategik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam menyampaikan mesej antirasuah kepada mahasiswa di negara ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Norazlan Mohd Razali, berkata ini kerana bukan satu tugas mudah untuk menyampaikan mesej antirasuah kepada lebih sejuta pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS), politeknik dan Kolej Komuniti seluruh negara.

Beliau berkata, pelaksanaan program pencegahan rasuah harus dilaksanakan dengan strategi berkesan supaya visi AMAR untuk mewujudkan generasi muda membenci jenayah itu dalam usaha menjadikan Malaysia negara bebas rasuah, akan dapat direalisasikan.

"Pelbagai kajian oleh golongan ilmiah dan pertubuhan antarabangsa mendapati pergerakan seumpama AMAR ini adalah komponen penting dan mampu menarik sokongan daripada pertubuhan dalam dan luar negara.

"Contoh, pergerakan antirasuah diterajui pelajar di Thailand, iaitu Thai Youth Anti-Corruption Network yang ditubuhkan pada 2012 mendapat sokongan kuat Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

"Ia juga mendapat kerjasama sektor swasta seperti 'Thai Chamber of Commerce', 'Thai Bankers Association' dan 'Stock Exchange of Thailand' (SET)," katanya berucap pada majlis perasmian penutupan Konvensyen AMAR 2022 kali kelapan di Kem El-Azzhar, di sini hari ini.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Datuk Razim Mohd Noor dan Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim.

Konvensyen tiga hari bermula Jumaat lalu disertai 118 mahasiswa dari kalangan pemimpin-pemimpin AMAR dari IPTA, IPTA, Institusi Pendidikan MARA dan Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh negara.

Pada majlis sama, Universiti Malaysia Sabah (UMS) terpilih sebagai Universiti Awam Terbaik; Smart College Kuala Lumpur (Universiti Swasta Terbaik); Kampus Tun Hussein Onn Johor (IPG Terbaik) dan Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM) (Institut Pendidikan MARA Terbaik).

Sementara itu, Presiden AMAR UMS, Nur Raihana Azizee, 23, berkata beliau merancang menganjurkan seminar dan kursus dengan memfokuskan kepada misi dan visi AMAR melibatkan lebih 71 ahli ahli di universiti berkenaan.

Katanya, banyak manfaat diperoleh menerusi konvensyen yang dianjurkan seperti bertukar pendapat dan maklumat untuk mengadakan seminar berskala besar pada masa akan datang.

Presiden AMAR KUPTM Kuala Lumpur, Asniati Ambo, 22, pula berkata, beliau ketika ini sedang menganjurkan pertandingan TikTok bertemakan integriti dan jati diri membabitkan semua pelajar di universiti berkenaan sempena Bulan Kemerdekaan.

"Walaupun kelab AMAR di KUPTM Kuala Lumpur baru ditubuhkan tahun lalu, kami sentiasa mengadakan slot ceramah dan kuiz integriti setiap kali pendaftaran pelajar baharu diadakan," katanya.

Presiden AMAR Smart College Kuala Lumpur, Nik Muhammad Aizat Aiman Abdullah, 20, juga bercadang menganjurkan lebih banyak program untuk menggalakkan lebih ramai pelajar menyertai kelab berkenaan.

"Kita harus mengajar mereka membenci rasuah dari sekarang dan apabila keluar selepas tamat belajar, mereka akan menjadi mahasiswa yang antirasuah," katanya.